

# CADANGAN – CADANGAN PEMBENTUKAN

## AKTA PEJABAT OMBUDSMAN PILIHAN RAYA

Penulis:  
**Nikkita Koh Si Qi**

Penyunting:  
**Fork Yew leong  
Danesh Prakash Chacko**

Direka oleh:  
**Stephen Koh Eng Sang**



## **Cadangan - Cadangan Penggubalan**

### **AKTA PEJABAT OMBUDSMAN PILIHAN RAYA [2026]**

#### **Pendahuluan**

AKTA PEJABAT OMBUDSMAN PILIHAN RAYA [2026] ialah suatu akta yang memberi peruntukan bagi fungsi, komposisi, kelayakan, saraan, keistimewaan dan perlindungan anggota Pejabat Ombudsman Pilihan Raya, bagi hukuman kesalahan yang berkaitan dengan Pejabat Ombudsman Pilihan Raya, dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

Pada masa ini, Malaysia tidak mempunyai Pejabat Ombudsman atau Ombudsman khas untuk Pilihan Raya. Disebabkan itu, kami, TindakMalaysia Network Services PLT (“Tindak Malaysia”), berpendapat bahawa penggubalan akta ini amat penting kerana Malaysia memerlukan satu saluran rasmi untuk pengendalian isu-isu salah laku pilihan raya serta memastikan pilihan raya dikendalikan secara adil dan bebas.

Cadangan yang kami mengemukakan merangkumi beberapa aspek di mana kami berpendapat harus diutamakan:

1. Fungsi utama Pejabat Ombudsman Pilihan Raya adalah untuk menerima, mendaftar dan menyiasat aduan berkaitan salah laku pilihan raya, penyelewengan, atau pelanggaran undang-undang dan peraturan pilihan raya;
2. Sebuah Suruhanjaya Pemilihan Bebas ditubuhkan bagi mengendalikan proses pelantikan Ketua Ombudsman dan pegawai-pegawai utama pejabat ini;
3. Keperluan ahli-ahli dari masyarakat sivil yang menunjukkan pengalaman atau penglibatan dalam pembaharuan pilihan raya, tadbir urus demokratik atau pemantauan pilihan raya;
4. Peruntukan hukuman denda dan/atau penjara bagi apa-apa tindakan yang bertujuan mempengaruhi atau mengganggu fungsi Pejabat Ombudsman.

Dilampirkan dalam Lampiran ialah satu draf yang mengandungi akta tersebut secara teliti

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

**AKTA [xx]**

**AKTA PEJABAT OMBUDSMAN PILIHAN RAYA [2026]**

Pertama kali digubal:

Tarikh mula beroperasi:

Disemak semula sehingga:

Tarikh penerbitan dalam Warta Edisi Disemak:

Tarikh mula beroperasi Edisi Disemak:

---

SUSUNAN SEKSYEN

---

Tajuk Panjang.

Seksyen 1. Tajuk ringkas.

Seksyen 2. Fungsi

Seksyen 3. Komposisi

Seksyen 4. Kelayakan

Seksyen 5. Saraan.

Seksyen 6. Pertanggung gaji.

Seksyen 7. Perlindungan anggota.

Seksyen 8. Anggota, pegawai dan penjawat Pejabat disifatkan sebagai penjawat awam.

Seksyen 9. Memberikan maklumat palsu kepada Pejabat Ombudsman Pilihan Raya.

Seksyen 10. Penyiaran dan penzahiran maklumat tanpa kebenaran.

Seksyen 11. Mempengaruhi atau cuba mempengaruhi Pejabat.

Seksyen 12. Keizinan Pendakwa Raya terhadap pendakwa.

Seksyen 13. Jadual boleh dipinda melalui peraturan-peraturan.

JADUAL.

SENARAI PINDAAN.

**AKTA PEJABAT OMBUDSMAN PILIHAN RAYA [2026]**

Suatu Akta untuk membuat peruntukan bagi fungsi, komposisi, kelayakan, saraan, keistimewaan dan perlindungan anggota Pejabat Ombudsman Pilihan Raya, bagi hukuman kesalahan yang berkaitan dengan Pejabat Ombudsman Pilihan Raya, dan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya.

**1. Tajuk ringkas**

Akta ini boleh dinamakan Akta Pejabat Ombudsman Pilihan Raya [2026].

**2. Fungsi**

(1) Pejabat Ombudsman Pilihan Raya hendaklah mempunyai fungsi berikut:

- (a) untuk menerima, mendaftar dan menyiasat aduan berkaitan salah laku pilihan raya, penyelewengan, atau pelanggaran undang-undang dan peraturan pilihan raya;
- (b) untuk mengawasi dan memantau pematuhan semua undang-undang, peraturan dan tatakelakuan bertulis yang mengawal pilihan raya, pendaftaran pengundi, parti politik dan kempen pilihan raya;
- (c) untuk menyiasat dan membuat keputusan yang mengikat berkenaan dengan pelanggaran berkaitan pilihan raya, tertakluk kepada apa-apa prosedur dan perlindungan yang mungkin ditetapkan di bawah Akta ini;
- (d) untuk mengeluarkan syor dan nasihat kepada Suruhanjaya Pilihan Raya berhubung pentadbiran dan pengendalian pilihan raya;
- (e) untuk menjalankan pemantauan, pemerhatian, dan pengawasan proaktif terhadap proses pilihan raya semasa tempoh pilihan raya, termasuk pencalonan, kempen, pengundian, pengiraan dan penjadualan undi; dan
- (f) untuk menerbitkan laporan berkala mengenai integriti pilihan raya, kelemahan sistemik, dan pematuhan undang-undang pilihan raya, termasuk cadangan untuk pembaharuan undang-undang atau pentadbiran.

(2) Fungsi-fungsi Pejabat Ombudsman Pilihan Raya di bawah seksyen ini hendaklah dilaksanakan tanpa menjejaskan kuasa dan fungsi Suruhanjaya Pilihan Raya, kecuali jika diperuntukkan sebaliknya dengan jelas oleh Akta ini.

### 3. Komposisi

(1) Pejabat Ombudsman Pilihan Raya hendaklah terdiri daripada jawatan utama berikut:

- (a) Ketua Ombudsman;
- (b) Timbalan Ketua Ombudsman;
- (c) bilangan Anggota Ombudsman yang boleh dilantik di bawah Akta ini; dan
- (d) Pengarah dan pegawai yang diperlukan untuk melaksanakan fungsi Pejabat Ombudsman Pilihan Raya dengan berkesan.

(2) Pejabat-pejabat berikut dengan ini ditubuhkan di dalam Pejabat Ombudsman Pilihan Raya:

- (a) pejabat Pengarah Pilihan Raya Umum;
- (b) pejabat Pengarah Pendaftaran Pengundi; dan
- (c) pejabat Pengarah Perkhidmatan Parti Politik.

(3) Ketua Ombudsman hendaklah menjadi ketua Pejabat Ombudsman Pilihan Raya dan hendaklah—

- (a) mempunyai tanggungjawab keseluruhan untuk pentadbiran, arahan dan kawalan Pejabat Ombudsman Pilihan Raya; dan
- (b) memastikan pelaksanaan fungsinya yang bebas, tidak berat sebelah dan berkesan di bawah Akta ini.

(4) Timbalan Ketua Ombudsman hendaklah—

- (a) membantu Ketua Ombudsman dalam melaksanakan fungsinya; dan
- (b) menjalankan kuasa dan melaksanakan tugas Ketua Ombudsman dalam mana-mana tempoh di mana Ketua Ombudsman tidak hadir atau tidak dapat bertindak.

(5) Pengarah-Pengarah yang dilantik di bawah subseksyen (2) hendaklah—

- (a) bertanggungjawab ke atas pengurusan dan pengawasan bidang fungsi masing-masing; dan

(b) melaksanakan apa-apa tugas dan menjalankan apa-apa kuasa yang boleh diberikan oleh Ketua Ombudsman atau ditetapkan oleh Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

(6) Anggota Ombudsman hendaklah—

(a) secara kolektif membentuk badan pembuat keputusan Pejabat Ombudsman Pilihan Raya; dan

(b) melaksanakan fungsi penyiasatan, penyeliaan dan penghakiman mengikut Akta ini.

#### 4. Kelayakan

(1) Hendaklah ditubuhkan Suruhanjaya Pemilihan Bebas yang bertanggungjawab untuk pelantikan—

(a) Ketua Ombudsman;

(b) Timbalan Ketua Ombudsman;

(c) Anggota Ombudsman; dan

(d) Pengarah Pejabat Ombudsman Pilihan Raya, termasuk Pengarah Pilihan Raya Umum, Pengarah Pendaftaran Pengundi, dan Pengarah Perkhidmatan Parti Politik.

(2) Suruhanjaya Pemilihan Bebas hendaklah bertindak secara bebas dan tidak boleh tertakluk kepada arahan atau kawalan seseorang atau pihak berkuasa dalam menjalankan fungsinya di bawah Akta ini.

(3) Seseorang layak untuk pelantikan di bawah subseksyen (1) jika orang itu—

(a) mempunyai pengalaman tidak kurang daripada sepuluh tahun profesional dalam satu atau lebih bidang berikut:

(i) undang-undang;

(ii) tadbir urus atau pentadbiran awam;

(iii) pentadbiran, pengawalseliaan, atau penyeliaan pilihan raya;

(iv) masyarakat sivil, pertubuhan bukan kerajaan atau amal; atau

(v) perniagaan, keusahawanan atau kepimpinan korporat.

- (b) tidak menjadi anggota aktif mana-mana parti politik untuk tempoh berterusan tidak kurang daripada lima tahun sejeurus sebelum tarikh pelantikan; dan
  - (c) mempunyai rekod integriti, kemerdekaan, dan tidak berpihak.
- (4) Tanpa menjejaskan subseksyen (3), keanggotaan Pejabat Ombudsman Pilihan Raya hendaklah, setakat yang boleh dilaksanakan, termasuk orang-orang yang diambil daripada kategori-kategori berikut—
  - (a) wakil organisasi masyarakat sivil yang menunjukkan pengalaman atau penglibatan dalam pembaharuan pilihan raya, tadbir urus demokratik atau pemantauan pilihan raya;
  - (b) anggota akademik atau sarjana yang mempunyai kepakaran yang diiktiraf dalam sains politik, undang-undang perlembagaan atau pilihan raya, pentadbiran awam, atau disiplin yang berkaitan; dan
  - (c) bekas pegawai pilihan raya yang mempunyai pengalaman besar dalam pentadbiran, pengurusan, atau penyeliaan pilihan raya.
- (5) Seseorang tidak boleh dilantik, atau hendaklah berhenti memegang jawatan, sebagai anggota Pejabat Ombudsman Pilihan Raya jika orang itu—
  - (a) adalah anggota aktif mana-mana parti politik; atau
  - (b) memegang apa-apa jawatan atau jawatan yang boleh menimbulkan konflik kepentingan dengan fungsi Pejabat Ombudsman Pilihan Raya.

## 5. **Saraan**

- (1) Saraan bagi anggota Pejabat Ombudsman Pilihan Raya hendaklah terdiri daripada gaji atau elaun tetap, elaun dan keistimewaan yang ditetapkan dalam Jadual.
- (2) Gaji atau elaun tetap bagi setiap anggota Pejabat Ombudsman Pilihan Raya hendaklah—
  - (a) bermula dari tarikh pelantikannya;
  - (b) terakru dari hari ke hari; dan
  - (c) dibayar setiap bulan pada hari akhir setiap bulan atau pada mana-mana hari lain yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Perbendaharaan.

## **6. Pertanggungjawaban gaji**

Jumlah wang yang diperlukan bagi saraan yang kena dibayar di bawah Akta ini hendaklah dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang Disatukan.

## **7. Perlindungan anggota**

Tiap-tiap anggota Pejabat Ombudsman Pilihan Raya hendaklah mempunyai perlindungan dan keistimewaan, dalam hal apa-apa tindakan atau guaman yang dibawa terhadapnya kerana apa-apa perbuatan yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan olehnya semasa bertindak dalam melaksanakan jawatannya, yang sama seperti yang diberikan oleh undang-undang kepada seseorang Majistret semasa bertindak dalam melaksanakan jawatannya.

## **8. Anggota, pegawai dan penjawat Pejabat disifatkan sebagai penjawat awam**

Tiap-tiap anggota, pegawai dan penjawat Pejabat Ombudsman Pilihan Raya hendaklah disifatkan sebagai penjawat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [Akta 574].

## **9. Memberikan maklumat palsu kepada Pejabat Ombudsman Pilihan Raya**

Mana-mana orang yang, berkaitan dengan perjalanan oleh Pejabat Ombudsman Pilihan Raya mana-mana fungsinya, dengan sengaja memberikan apa-apa maklumat yang palsu atau mengelirukan tentang apa-apa butir material kepada Pejabat itu atau kepada mana-mana anggotanya atau kepada mana-mana orang atau kumpulan orang yang dilantik oleh Pejabat itu untuk membantu menjalankan fungsinya melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

## **10. Penyiaran dan penzahiran maklumat tanpa kebenaran**

(1) Tiada seorang pun anggota Pejabat Ombudsman Pilihan Raya atau mana-mana orang lain, tanpa kebenaran bertulis Yang di-Pertuan Agong, boleh menyiarkan atau menzahirkan, kepada mana-mana orang yang tidak diberi kebenaran atau selain dalam perjalanan kewajipan, kandungan atau mana-mana bahagian kandungan apa-apa dokumen, komunikasi atau maklumat jua yang telah sampai kepada pengetahuannya dalam perjalanan kewajibannya sebagai anggota berkenaan dengan apa-apa perkara yang berhubungan dengan perjalanan oleh Pejabat Ombudsman Pilihan Raya mana-mana fungsinya, dan mana-mana orang yang dengan disedarinya melakukan perbuatan yang melanggar subseksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

- (2) Jika mana-mana orang yang memiliki apa-apa maklumat yang pada pengetahuannya telah dizahirkan dengan melanggar seksyen ini menyiarkan atau menyampaikan maklumat itu kepada mana-mana orang selain bagi maksud sesuatu pendakwaan di bawah Akta ini, dia melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

#### **11. Mempengaruhi atau cuba mempengaruhi Pejabat**

Mana-mana orang yang dengan sendiri atau melalui mana-mana orang lain, selain dalam menjalankan kewajibannya, secara langsung atau tidak langsung dengan apa-apa cara jua pun mempengaruhi atau cuba mempengaruhi apa-apa keputusan Pejabat Ombudsman Pilihan Raya atau mana-mana anggotanya melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam seksyen ini melarang mana-mana orang memberikan apa-apa maklumat atau bantuan apabila diminta secara rasmi oleh Pejabat Ombudsman Pilihan Raya.

#### **12. Keizinan Pendakwa Raya terhadap pendakwaan**

- (1) Sesuatu pendakwaan di bawah Akta ini tidak boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan Pendakwa Raya.
- (2) Dalam tempoh lapan minggu dari tarikh penerbitan keputusan pilihan raya, Pendakwa Raya hendaklah menyediakan dan mengemukakan laporan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya, orang atau orang-orang yang mengemukakan aduan kesalahan di bawah Akta ini, yang menetapkan senarai dan butir-butir aduan kesalahan di bawah Akta ini semasa pilihan raya; menyatakan butir-butir kesalahan yang mana dia telah memberi persetujuan untuk pendakwaan dan menetapkan sebab-sebab kesalahan-kesalahan yang dia tidak berikan.
- (3) Laporan Pendakwa Raya yang disediakan mengikut subseksyen (2) hendaklah dibentangkan di Parlimen semasa sidang pertama yang diadakan selepas keputusan pilihan raya.

### 13. Jadual boleh dipinda melalui peraturan-peraturan

Yang di-Pertuan Agong boleh meminda Jadual melalui peraturan-peraturan.

#### JADUAL [Seksyen 5]

##### 1. GAJI:

Ketua Ombudsman	RM18,750.00 sebulan
Timbalan Ketua Ombudsman	RM15,000.00 sebulan

##### ELAUN TETAP:

Anggota	RM8,448.20 sebulan
---------	--------------------

##### ELAUN MEMANGKU:

- (a) Sekiranya Timbalan Ketua Ombudsman atau anggota melaksanakan fungsi Ketua Ombudsman atau Timbalan Ketua Ombudsman selama suatu tempoh yang melebihi dua puluh lapan hari, dia berhak mendapat elaun memangku yang sama nilainya dengan perbezaan antara gaji atau elaun tetapnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan gaji jawatan yang dia bertindak.
- (b) Timbalan Ketua Ombudsman atau mana-mana anggota yang pernah diminta melaksanakan fungsi Ketua Ombudsman atau kemudiannya berhak mendapat elaun memangku, jika dia melaksanakan fungsi itu selama tempoh yang melebihi empat belas hari, termasuk hari kelepasan am.

##### 2. ELAUN SARA HIDUP (DALAM NEGERI):

- (a) apabila bertugas di luar kawasan selama tempoh dua puluh empat jam dan lebih:

Ketua Ombudsman	bersamaan dengan anggota perkhidmatan awam dalam Gred Utama/Khas "A" dan ke atas mengikut terma dan syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 atau sebagaimana yang
-----------------	--

Timbalan Ketua Ombudsman dan anggota

ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

bersamaan dengan anggota perkhidmatan awam dalam kategori I dengan gaji sebanyak RM4794.02 kepada Perdana Menteri/ Gred Khas "B" mengikut terma dan syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

- (b) bersamaan dengan anggota perkhidmatan awam dalam kategori I dengan gaji sebanyak RM4794.02 kepada Perdana Menteri/ Gred Khas "B" mengikut terma dan syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

### **3. PERBELANJAAN PENGINAPAN HOTEL DAN LOJING (DALAM NEGERI):**

Ketua Ombudsman

bersamaan dengan seorang anggota perkhidmatan awam dalam Gred Perdana Menteri/Gred Khas "A" dan ke atas dengan terma dan syarat seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

Timbalan Ketua Ombudsman dan anggota

bersamaan dengan anggota perkhidmatan awam dalam kategori I dengan gaji sebanyak RM4794.02 kepada Perdana Menteri/ Gred Khas "B" mengikut terma dan syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

### **4. ELAUN PERJALANAN MENGGUNAKAN KENDERAAN SENDIRI (tidak termasuk perjalanan dari rumah ke pejabat dan sebaliknya)**

Seorang anggota Pejabat Ombudsman Pilihan Raya yang menggunakan kenderaannya sendiri semasa menjalankan tugas rasmi di luar ibu pejabatnya layak menuntut elaun perjalanan mengikut terma dan syarat yang dinyatakan dalam \*Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2001 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

## 5. KEMUDAHAN PERUBATAN:

Rawatan pesakit luar percuma untuk Ketua Ombudsman, Timbalan Ombudsman dan anggota, suami atau isteri dan anak-anak mereka tetapi jika dimasukkan ke hospital bayaran wad harian kena dibayar mengikut kadar yang dikenakan ke atas pegawai Bahagian I kecuali jika kemasukan ke hospital adalah akibat kecederaan yang dialami semasa menjalankan tugas. Jika Ketua Ombudsman, Timbalan Ketua Ombudsman atau anggota itu ialah seorang pesara dia boleh memilih kemudahan perubatan yang disediakan untuk pesara. “Anak” ertinya mana-mana anak tanggungan berumur di bawah 21 tahun bagi Ketua Ombudsman, Timbalan Ketua Ombudsman atau anggota, atau mana-mana anak tanggungan yang mengikuti pengajian untuk mendapatkan ijazah pertama di sesuatu institusi pengajian tinggi dan termasuklah seseorang anak yang kurang upaya intelektual atau cacat anggota yang mengenyainya had umur tidak terpakai. Ia hendaklah juga termasuk seseorang anak tiri atau anak yang diambil sebagai anak angkat di bawah mana-mana undang-undang atau adat yang diiktiraf.

## 6. CUTI:

- (a) Tiga puluh hari cuti rehat hendaklah diberikan bagi setiap tahun genap perkhidmatan dengan Pejabat;
- (b) seseorang anggota boleh membawa ke hadapan cuti rehat yang tidak dapat dihabiskannya dalam tahun berkenaan ke tahun berikutnya berhubung dengan tempoh jawatannya; dan
- (c) seseorang anggota boleh memohon cuti khas menunaikan fardu Haji dengan syarat bahawa dia belum lagi menggunakan keistimewaan ini semasa dalam perkhidmatan awam dan tertakluk kepada terma dan syarat lain sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

## 7. ELAUN PERUMAHAN BULANAN:

Rumah kerajaan berperabot Kelas “B” atau “C” hendaklah diperuntukkan dengan percuma atau jika tidak tinggal di rumah kerajaan elaun perumahan pada kadar yang berikut hendaklah dibayar:

Ketua Ombudsman	RM2,500
Timbalan Ketua Ombudsman	RM1,600
Anggota	RM900

**8. GANJARAN:**

Suatu ganjaran mengikut kadar 12%–17.5% caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dengan pergandaan jumlah bulan genap perkhidmatan dan pergandaan gaji pokok akhir selepas ditolak caruman majikan kepada KWSP hendaklah dibayar—

- (a) apabila tamat tempoh pelantikan anggota itu tetapi jika seseorang anggota dilantik selama lebih daripada satu penggal dia boleh memilih sama ada dibayar pada akhir setiap penggal atau sehingga dia telah menyempurnakan kesemua penggal (dalam mana-mana satu hal dia berhak mendapat pengecualian daripada cukai pendapatan hanya sekali); atau
- (b) kepada mana-mana tanggungannya sebagaimana yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong atau jika tidak ada tanggungan, kepada wakil dirinya, jika dia mati semasa memegang jawatan.

**9. PENDAHULUAN UNTUK MEMBELI KENDERAAN:**

(kena dibayar dalam tempoh jawatan anggota itu yang dalamnya pendahuluan itu diberikan mengikut terma dan syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan atau Surat Pekeliling Pendahuluan Membeli Kenderaan bagi anggota perkhidmatan awam atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa).

Ketua Ombudsman dan Timbalan Ketua Ombudsman	RM70,000
Anggota	RM65,000

**10. ELAUN PEMANDU:**

Ketua Ombudsman dan Timbalan Ketua Ombudsman	disediakan seorang pemandu atau jika pemandu yang diambil kerja bukan daripada perkhidmatan awam, gaji berasaskan Gred R10 Sistem Saraan Baru.
Anggota	bersamaan dengan anggota perkhidmatan awam dalam kategori I dengan gaji sebanyak RM4794.02 kepada Perdana Menteri/ Gred Khas "B" mengikut terma dan syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan

Bil. 3 Tahun 2003 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

**11. PERJALANAN UDARA:**

(“dalam negeri” ertinya penerbangan di dalam dan ke dan dari Brunei, Kalimantan, Malaysia, Singapura dan Thailand (dari Phuket ke selatan)).

Ketua Ombudsman, Timbalan Ketua Ombudsman dan anggota	Kelas Perniagaan (bukan dalam negeri dan dalam negeri).
---	---

**12. ELAUN KERAJIAN BULANAN:**

Ketua Ombudsman	RM3,750
Timbalan Ketua Ombudsman	RM2,288
Anggota	RM 600

**13. KERETA RASMI:**

Ketua Ombudsman dan Timbalan Ketua Ombudsman hendaklah diperuntukkan suatu kereta rasmi sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

**14. KELAYAKAN TAMBANG KETIKA MELAPORKAN DIRI:**

Seorang anggota Pejabat Ombudsman Pilihan Raya berhak—

- (a) menuntut tambang penerbangan berdasarkan kelayakannya semasa melancong untuk melaporkan diri untuk bertugas;
- (b) tambang penerbangan bagi suami/isteri dan anak di bawah umur 21 tahun; dan
- (c) elaun perpindahan ke negeri asal apabila tempoh jawatannya tamat.

**15. ELAUN GANTIAN:**

Seorang anggota Pejabat Ombudsman Pilihan Raya berhak mendapat elaun gantian apabila menggunakan kenderaannya sendiri untuk menjalankan fungsi rasmi di luar ibu pejabat tertakluk kepada terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

**16. PENDAHULUAN:**

Apabila menjalankan fungsi rasmi di luar ibu pejabat, seseorang anggota Pejabat Ombudsman Pilihan Raya berhak mendapat pendahuluan tertakluk kepada terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

**17. PERBELANJAAN PELBAGAI:**

Apabila membuat perjalanan untuk menjalankan fungsi rasmi, perbelanjaan pelbagai yang berikut yang dilakukan hendaklah dibayar balik:

- (a) bayaran telefon, telegram atau bayaran pos yang dilakukan berkenaan dengan fungsi rasmi itu;
- (b) belanja dobi (yang disokong dengan resit) yang dilakukan semasa menginap di hotel selama lebih daripada tiga hari; dan
- (c) bayaran tempat meletak kereta, tol dan feri (yang disokong dengan resit).

**18. ELAUN MENYELENGGARA RUMAH:**

Ketua Ombudsman	RM2,500 setahun
Timbalan Ketua Ombudsman	RM1,500 setahun
Anggota	RM600 setahun

**19. ELAUN PEMBANTU RUMAH:**

Ketua Ombudsman	RM750 sebulan
Timbalan Ketua Ombudsman	RM375 sebulan

**20. BAYARAN BEKALAN AIR DAN ELEKTRIK:**

Ketua Ombudsman berhak dibekali bekalan air dan elektrik secara percuma.

**21. BERTUGAS RASMI DI LUAR MALAYSIA:**

(a) Elaun Sara Hidup

Ketua Ombudsman	bersamaan dengan anggota perkhidmatan awam dalam Gred Utama/Khas "A" dan ke atas mengikut terma dan syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2001 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.
-----------------	--

Timbalan Ketua Ombudsman dan anggota	bersamaan dengan anggota perkhidmatan awam dalam kategori I dengan gaji sebanyak RM4794.02 kepada Perdana Menteri/ Gred Khas "B" mengikut terma dan syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.
--------------------------------------	--

(b) Bayaran Sewa Hotel dan Lojing

Ketua Ombudsman	bersamaan dengan anggota perkhidmatan awam dalam Gred Utama/Khas "A" dan ke atas mengikut terma dan syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2001 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.
-----------------	--

Timbalan Ketua Ombudsman dan anggota	bersamaan dengan anggota perkhidmatan awam dalam kategori I dengan gaji sebanyak RM4794.02 kepada Perdana Menteri/ Gred Khas "B" mengikut terma dan syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 atau sebagaimana yang
--------------------------------------	--

ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

(c) Belanja Pelbagai

Apabila menjalankan tugas rasmi di luar Malaysia, seseorang anggota Pejabat Ombudsman Pilihan Raya berhak menuntut belanja pelbagai mengikut terma dan syarat yang dinyatakan dalam \*Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

(d) Elaun Pakaian Panas

Apabila dikehendaki menjalankan tugas rasmi di negara beriklim sederhana, seseorang anggota Pejabat Ombudsman Pilihan Raya layak menuntut Elaun Pakaian Panas mengikut terma dan syarat yang dinyatakan dalam \*Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

**22. SKIM EX-GRATIA UNTUK BENCANA KERJA:**

Seseorang Pejabat Ombudsman Pilihan Raya yang terlibat dalam kemalangan atau tercedera semasa menjalankan tugas rasmi berhak menerima faedah mengikut terma dan syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2001 atau sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

**23. CUTI SAKIT:**

Seseorang anggota Pejabat Ombudsman Pilihan Raya berhak mendapat kemudahan cuti sakit mengikut terma dan syarat yang ditetapkan dalam Bahagian III Perintah Am Bab C Tahun 1974 serta Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2006 atau apa-apa pindaan mengenainya.

*(Tamat Dokumen)*